

PM dedah bagaimana Yahudi boleh kuasai AS

BH 23 APR 2002

SEPANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan taktik Israel melobi orang Yahudi Amerika Syarikat bagi mendapat sokongan Washington dalam isu Palestin.

Perdana Menteri berkata, orang Yahudi mempunyai pengaruh kuat di Amerika dan sebab itu Washington menyokong Israel.

Di Amerika, katanya, enam juta orang Yahudi bersatu dan boleh menentukan siapa yang akan menang dalam pilihan raya di negara itu, tetapi umat Islam di sana berpecah-belah dan jarang bertindak bersama.

"Berikutan itu, mereka (umat Islam) tidak boleh menentukan siapa akan menang dalam pilihan raya (Amerika) tetapi orang Yahudi boleh menentukannya.

"Mereka sangat berkuasa, walaupun menerusi proses demokrasi dan tiada siapa berani bercakap sesuatu terhadap Yahudi," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini, sekembalinya dari lawatan seminggu ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

Dr Mahathir mengulas kekejaman berterusan Israel dan Perdana Menteri, Ariel Sharon di bumi Palestin. Isu itu turut disentuh pada pertemuannya dengan pemimpin di tiga negara terbabit.

Perdana Menteri berkata, Yahudi juga mempunyai rangkaian yang sangat tersusun hingga membolehkannya melakukan sebarang tindakan politik dengan berkesan.

"Seperti diketahui, apabila saya membuat kenyataan mengutuk (George) Soros (yang dikaitkan dengan krisis ekonomi Asia sebelum ini) dan menyatakan dia orang Yahudi, seluruh Yahudi di dunia ini menentang saya," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, ketika orang Yahudi yang jumlahnya kecil boleh bersatu padu, 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia pula tidak pernah bersatu, malah tiada kerajaan Islam boleh bekerjasama dengan kerajaan Islam lain, sebaliknya lebih kerap bercakapan sesama sendiri.

Katanya, seperti juga di negara ini, iaitu di kawasan majoriti Melayu, orang Cina yang minoriti menentukan pemenang kerana orang Melayu berpecah dua.

Di kawasan majoriti Cina pula, orang Melayu menentukan parti Cina mana boleh menang kerana orang Cina juga berpecah dua.

Mengenai pertemuannya dengan pemimpin Maghribi, Libya dan Bahrain, Dr Mahathir berkata, mereka menyuarakan kemarahan terhadap Israel dan kecewa dengan sikap Amerika yang menyokong rejim Tel Aviv.

Ditanya sama ada pemimpin Libya, Kolonel Muammar Gaddafi memberi sebarang pesanan untuk disampaikan kepada Presiden George W Bush ketika beliau melakukan lawatan ke Amerika bulan depan, Dr Mahathir berkata pemimpin Revolusi Al-Fateh itu ada bertanya mengenai lawatannya itu, tetapi tiada pesanan khusus untuk Bush.

LHAT MUKA 2

> Keganasan Israel luar biasa

DARI MUKA 1

Dr Mahathir juga menyifatkan tindakan Israel membunuh ratusan penduduk Palestin di kem pelarian Jenin, sebagai keganasan luar biasa dan tidak berperikemanusiaan.

"Inilah orang yang dulu merayu simpati daripada dunia kerana dibunuh oleh pihak Nazi-Jerman. Tetapi sekarang mereka melakukan kekejaman yang lebih daripada itu. Ada pihak yang memanggil Sharon sebagai seorang yang cinta akan keamanan.

"Kalau Sharon orang yang cintakan keamanan, maka semua mereka yang melakukan tindakan berani mati juga orang yang cinta akan keamanan," katanya.

Ditanya apakah keganasan itu akan terus berlaku

selagi Bush berada di belakng Israel; Perdana Menteri berkata: "Yalah, kita bolehlah bercakap sikit, tetapi apa ada pengaruh kita."

Mengenai hasil lawatan ke tiga negara itu, beliau berkata ia berjaya menghasilkan jaminan sokongan untuk jalinan ekonomi dan perdagangan yang bakal diwujudkan dengan ketiga-tiga negara terbabit.

Dr Mahathir berkata, ketiga-tiga negara itu menawarkan potensi baik kepada pelabur, peniaga dan kontraktor Malaysia.

"Kita sudah membuka pintu, menjalin hubungan dengan kerajaan dan menentukan sokongan daripada mereka. Jadi terpujang kepada sektor swasta untuk mula bekerja ke-

ras," katanya.

Beliau berkata, sepanjang lawatan itu, soalan yang sering ditanya ialah bagaimana Malaysia berjaya menukar Malaysia daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada perindustrian.

"Mereka ingin tahu bagaimana, dankita cuba terangkan. Saya berpendapat, mereka akan datang untuk mengetahui lebih lanjut," katanya.

Katanya, Gaddafi amat berminat untuk mengetahui mengenai pembangunan Malaysia.

"Gaddafi jumpa saya tiga kali dan bertanya saya dalam semua aspek ekonomi Malaysia. Saya juga mempelajari beberapa perkara termasuk pengurusan air di Libya," katanya.